

# Isyarat pada kementrian

u. m. m/s 11 5/4/07

**SEBAIK** pulang daripada menghadiri persidangan World Custom Organization di Brussels saya membaca akhbar-akhbar Malaysia hari Sabtu yang memaparkan berita amat penting dan mengembirakan hati. Mungkin kepada orang lain berita itu tidak membawa makna apa-apa.

Beritanya ialah Timbalan Perdana Menteri mengumumkan pembinaan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) berharga RM60 juta di Feldajaya Utara Trolak untuk anak-anak Felda. Banyak sebab mengapa saya sangat gembira tetapi saya hanya ingin membicarakan satu perkara sahaja dan meninggalkan yang lain-lainnya untuk permainan pemikiran sendiri.

Gembiranya saya ialah kerana Datuk Seri Najib Tun Razak telah memutuskan bahawa MRSM itu akan dibiayai oleh Felda tetapi ia diuruskan oleh Majlis Amanah Rakyat (Mara) sama seperti MRSM Melaka di Terendak yang dibiayai oleh Kementerian Pertahanan dan diuruskan oleh Mara. Saya ingin mengaitkannya dengan keputusan bijak Timbalan Perdana Menteri dalam menentukan kedudukan Universiti Pertahanan Malaysia.

Najib yang juga Menteri Pertahanan membuat keputusan supaya Universiti Pertahanan diletakkan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi. Nampaknya cara berfikir Najib dalam hal pendidikan amat jelas dan konsisten. Mungkinkah kerana beliau pernah menjadi Menteri Pelajaran yang berjaya menghasilkan Akta 555, Institut Pengajian Tinggi Swasta dan Akta 556, Lembaga Akreditasi Negara?

Pada tahun lepas, berikutan daripada adanya tanda-tanda pelbagai kementerian menggerakkan usaha menubuhkan universiti masing-masing, saya telah menulis mengenai ini di akhbar ini. Saya juga telah menulis satu kertas kerja atau memorandum dengan beberapa orang rakan hasil satu Sidang Meja Bulat yang diadakan di Universiti Utara Malaysia.

Sidang itu telah memutuskan supaya memorandum tersebut dikemukakan kepada Timbalan Perdana Menteri. Kebetulan temu janji yang ditetapkan dengan Timbalan Perdana Menteri bertindih dengan program saya di Harvard, Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM) telah menyempurnakan tugas itu. Tentulah bukan kerana semata-mata memorandum itu, baru-baru ini kami di Mesyuarat Jawa-

tan kuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Malaysia yang diadakan di Kota Kinabalu dengan meriahnya bagi kali pertama menerima Datuk Ismail Samion, Naib Canselor Universiti Pertahanan Malaysia sebagai anggota kami yang baru.

Menjadi perkara menarik ialah Najib sendiri selaku Menteri Pertahanan memilih meletakkan universiti baru itu di bawah Kementerian Pengajian Tinggi. Bagaimanakah reaksi menteri yang lain? Alangkah menariknya jika Naib Canselor/Rektor/Pengarah ASWARA dan IPGM, juga diletakkan di bawah kementerian dan tidak lama lagi menjadi anggota kami yang baru. Tentu mesyuarat kami akan lebih meriah dan berwarna-warni dalam mencorakkan masa depan pendidikan tinggi negara.

Betapalah pula nanti kedudukan Universiti Perladangan yang sedang diusahakan oleh kementerian berkaitan dan Universiti Polis yang sedang diperjuangkan oleh Musa Hasan. Bilakah pula pentadbiran institut latihan perindustrian, milik Kementerian Sumber Manusia akan dipindahkan ke kementerian?

Dalam tulisan saya yang lalu mengenai hal ini saya menyebutkan kebanyakan negara di dunia beralih kepada sistem unitari dalam mengendalikan pengajian tinggi mereka. Britain contohnya telah meninggalkan sistem binari kepada unitari semasa pentadbiran John Major.

Kementerian Pengajian Tinggi dijangka mengadakan sistem unitari untuk IPTA dan IPTS dari segi kualiti apabila *Malaysian Qualifications Agency* (MQA) diaktakan menggantikan Akta 556 LAN, tetapi tidak dalam beberapa segi yang lain. Kita berharap, demi konsistensi, dengan adanya MQA, jawatan kuasa berkaitan pengiktirafan kelayakan yang dipengerusikan Menteri Pengajian Tinggi dan diurus setia-kan Jabatan Perkhidmatan Awam tidak diperlukan lagi dan akan dibubarkan.

## Gembiranya saya ialah kerana Datuk Seri Najib Tun Razak telah memutuskan bahawa MRSM itu akan dibiayai oleh Felda tetapi ia diuruskan oleh Majlis Amanah Rakyat (Mara) sama seperti MRSM Melaka di Terendak yang dibiayai oleh Kementerian Pertahanan dan diuruskan oleh Mara

Semasa Dewan Rakyat banyak mengemukakan teguran terhadap kualiti pengajian tinggi dan hal-hal dalaman universiti, mungkin elok juga ahli Dewan berdebat dengan lebih banyak lagi mengenai sistem pengajian tinggi. Sesuatu sistem akan menghasilkan sesuatu yang kesannya lebih panjang berbanding dengan perkara-perkara semasa.

Soal siswazah tidak pandai berbahasa Inggeris dengan menjadikan Menteri Pengajian Tinggi sebagai sasaran, misalnya, kepada saya walaupun penting, hanyalah perkara semasa yang boleh diselesaikan oleh universiti sendiri, tetapi kepelbagaian sistem yang menyebabkan masa depan pengajian tinggi negara tidak menentu mempunyai bayang yang lebih panjang. Belum ada ahli Dewan, termasuk pembangkang yang mengusik perkara ini nampaknya.

Mengapa saya membuka tulisan ini dengan kehadiran saya di persidangan World Custom Organization (WCO)? Apa kaitannya dengan universiti? Kaitannya ialah persidangan itu diadakan oleh WCO dengan tajuk *Partnership in Customs Academic Research and Development*. Di persidangan itu saya diminta membentangkan pengalaman UUM bekerjasama mengendalikan pelbagai program dari peringkat sijil sehingga Doktor Falsafah dengan pengkhususan Pengurusan Kastam. Ketua Pengarah Kastam dan saya telah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) supaya UUM dan Kastam Diraja Malaysia melalui akademinya AKMAL bekerjasama mengendalikan latihan dan penyelidikan untuk kemajuan perkhidmatan profesional kastam.

Hasilnya tiga orang staf kastam mengikuti program Doktor Falsafah, ijazah sarjana (16), ijazah sarjana muda (40) dan Sijil (240) melalui kerjasama ini. Dalam persidangan di Brussels itu saya dapat bergaul dengan INCU atau International Network

of Customs Universities. Selepas perkongsian pengalaman itu, Pengerusinya Professor David Widdowson dari Universiti Canberra mengajak UUM menjadi ahli INCU dan Joe Kelly, Timbalan Pengarah WCO pula mengesyorkan UUM mengadakan MoU dengan badan itu. Pada masa yang sama saya turut memberi input bagi penulisan *Kerangka Piawaian Kelayakan WCO* untuk perkhidmatan kastam sedunia.

Pengajaran penting yang saya peroleh semasa di Brussels ialah Organisasi Kastam Sedunia menasihatkan ahli-ahlinya supaya menghormati keupayaan universiti dalam menyediakan latihan dan Autoriti Kastam pula berperanan menentukan piawai kelayakan mereka yang hendak memasuki perkhidmatan dan melaksanakan dapatan-dapatan saintifik dan akademik dari universiti guna memajukan perkhidmatan.

Inilah yang boleh dikongsi dengan orang Malaysia terutamanya kalangan pembuat dasar. Kementerian selain dari Kementerian Pengajian Tinggi seharusnya hanya menetapkan piawai calon-calon yang hendak memasuki perkhidmatan sama ada kerajaan atau swasta yang diletakkan di bawah wilayah mereka dan membiarkan kementerian melaksanakan pelbagai perkara bagi mengeluarkan graduan yang memenuhi piawai tersebut.

Kementerian Kesihatan, contohnya, boleh terus dari semasa ke semasa meminda Akta berkaitan piawai profesion perubatan dan kesihatan tetapi melepaskan tanggungjawab melatih calon-calon kepada kementerian. Mengikut kerangka pemikiran ini kolej-kolej jururawat sedia ada sesuai diletakkan pentadbirannya di bawah kementerian.

Timbalan Perdana Menteri sendiri dengan bijaksana memilih untuk meletakkan MRSM yang dibiayai oleh Felda di bawah Mara dan Universiti Pertahanan di bawah kementerian, walaupun dia boleh memilih cara lain.

Tidakkah ia memadai sebagai isyarat kepada kementerian lain untuk memahami kebijaksanaan itu? Bukankah keadaan keliling sudah mendesak kita berfikir global atau sekurang-kurangnya berfikir global Malaysia daripada terus berada dalam siloh masing-masing?

**DATUK NORDIN KARDI** ialah Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM).